

Perang Palestin-Israel

Malaysia selar sikap hipokrit AS, negara Barat

Kuala Lumpur tidak akan normalisasikan hubungan dengan Israel: PM

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengecam sikap kepura-puraan dan hipokrit negara Barat kerana mengizinkan kezaliman berterusan Israel terhadap Palestin, tetapi keras terhadap Russia dalam isu Ukraine.

Perdana Menteri berkata, dunia Barat menutup mata dan membenarkan tindakan penghapusan etnik oleh rejim Israel.

"Ini jelas menyalahi undang-undang antarabangsa dan terangkum sebagai penghapusan etnik dan pembunuhan beramai-ramai (rakyat Palestin).

"Apa yang akan berlaku di Gaza dalam beberapa hari ini jika dunia tidak berupaya, ialah dunia mengizinkan pembunuhan beramai-ramai ke atas rakyat Gaza dan Palestin," katanya ketika memberi penerangan mengenai perkembangan terkini krisis Palestin-Israel di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar berkata, Malaysia juga kesal dengan tindakan berdiam diri serta menutup sebelah mata negara besar dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap penderitaan rakyat Palestin.

"Sikap hipokrit Barat mencapai tahap sehingga tidak boleh menyatakan persetujuan untuk memberi makanan dan minuman kepada mangsa cedera parah serta kehilangan semuanya.

"Sesuatu lebih segera harus dilakukan. Jika tiada tindakan tegas, ia akan menjadi perang pembunuhan beramai-ramai dalam beberapa hari ini," katanya.

Beliau berkata, sudah sampai ketikanya, Kerajaan Malaysia dengan dokongan diberikan bersama rakan-rakan lain untuk melakukan apa sahaja yang perlu.

Perang Palestin-Israel yang memasuki hari kesembilan semalam mengakibatkan lebih 5,000 orang terbunuh dan 15,000 cedera di kedua-dua belah.

Anwar berkata, kemusnahan harta benda, terutama di Gaza tidak dapat dibayangkan akal pemikiran kita.

"Israel memaksa rakyat Palestin di utara Gaza untuk bergerak ke selatan, pada masa sama, mengebom mereka yang sedang bergerak. Ini menunjukkan Israel mengambil kesempatan mencestuskan penghapusan etnik secara besar-besaran.

"Tidak cukup rejim Israel menjadikan Gaza sebagai penjara terbuka terbesar dunia, kini rakyat Gaza dihukum lagi dengan kepungungan menyeluruh.

"Namun, masih tiada resolusi ataupun arahan dari badan dunia atau negara sekutu Israel untuk tarik balik sekatan ini. Laluan penghantaran bantuan kemanusiaan turut disekat.

"Saya katakan hipokritikal kerana negara Amerika Syarikat (AS) dan Barat seperti tidak boleh menyatakan persetujuan untuk memberikan makanan, minuman bagi orang yang sudah cedera parah, kehilangan semuanya," katanya.

Bantuan kemanusiaan segera tidak dapat menyebarkan sempadan Rafah-Gaza.

"Ini jelas kezaliman amat sangat. Orang awam, wanita dan orang tua serta mereka terlantar sakit dibiarkan tanpa pembelaan dan bantuan disebabkan tindakan angkuh rejim Israel," katanya.

Mengenai pendirian negara, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak pernah diam sejak konflik ini meletus, malah adalah antara negara utama yang terus lantang mengecam dan melontarkan pendirian keras.

"Mempertahan dan memperjuangkan hak Palestin untuk dikembalikan hak mereka akan terus menjadi tunjang dasar luar negara. Kita tidak akan berkompromi sehinggalah hak mutlak Palestin dikembali, hak menda-

pat semula tanah yang dirampas dan hak menubuhkan sebuah negara yang bebas dan merdeka dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara.

Bertitik noktah atas pendirian ini, beliau berkata, Malaysia tidak akan menormalisasikan hubungan dengan Israel.

"Menteri Luar sudah hubungi negara Arab, Turkiye dan saya sendiri sepanjang Sabtu dan Ahad lalu menghubungi ketua negara menyatakan langkah lebih tegas dan keras harus diambil untuk menyekat kepungan ke atas Gaza.

"Saya memberi mandat penuh kepada Menteri Luar untuk berbincang dan ambil keputusan menyegerakan bantuan kemanusiaan dan Malaysia akan bersama dengan negara Arab serta negara lain yang menunjukkan simpati dan kefahaman, termasuk Russia dan China," katanya.

Beliau berkata, walaupun Barat mendesak Malaysia mengecam Hamas, namun dari segi dasar, Malaysia ada hubungan baik dengan pemerintah Gaza itu sejak dahulu dan ia diteruskan.

"Kita tidak bersetuju dengan sikap mereka untuk menekan kerana Hamas menang di Gaza melalui pilihan raya bebas dan rakyat Gaza memilih mereka.

"Kita juga jelas, tanpa mengira siapa, kita tidak bersetuju dengan apa sahaja langkah menganiayai orang tidak berdosa," tegas Anwar.

Susulan krisis kemanusiaan di Gaza, Perdana Menteri turut mengumumkan Malaysia akan menyalurkan RM100 juta untuk tabung kemanusiaan di Gaza.

PM hadir ASEAN-GCC
Anwar akan ke Riyadh, Arab Saudi, Khamis ini, bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (ASEAN-GCC), dengan perbincangan khusus akan diadakan mengenai tindakan segera yang perlu diambil terhadap kezaliman Israel ke atas rakyat Palestin.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berlepas ke Jeddah malam tadi atas undangan Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Salman dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi sidang itu.

Perdana Menteri memaklumkan, Putera Mohammed menghubunginya beberapa hari lalu bagi meminta beliau melanjutkan kehadirannya sehari lagi pada 21 Oktober supaya perbincangan mengenai isu Palestin dapat diadakan.

"Saya akan berbincang dengan teman lain, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Mesir dan Turkiye, sama ada perlu untuk mengadakan beberapa pertemuan lain dengan pemimpin negara lain," katanya.

Israel nafi gencatan senjata
- Dunia 23



Perdana Menteri memberi penerangan mengenai perkembangan terkini krisis Palestin-Israel di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)